



**TERATO TECH SDN BHD**  
833194-D  
805A 1st Floor  
Bangi Business Park  
43650 Bandar Baru Bangi  
[SUPPORT@TERATOTECH.COM](mailto:SUPPORT@TERATOTECH.COM) Selangor

# **Terato Tech Sdn Bhd**

## **Dianugerahkan Sijil ISO 9001 : 2008**

### **Pertama buat Syarikat Pembangunan Aplikasi Mudah-Alih di rantau Asia Tenggara**

Bandar Baru Bangi, 7 Mac 2013 - Terato Tech Sdn Bhd (Terato), menjadi penerima sijil ISO 9001 : 2008 yang menjurus kepada sistem kualiti pengurusan. Terato merupakan syarikat pembangunan aplikasi mudah alih (mobile) pertama di rantau Asia Tenggara yang menerima pengiktirafan sedemikian.

Sijil tersebut dianugerahkan oleh SIRIM setelah melalui proses penilaian yang bermula pada Oktober 2012. Sistem kualiti pengurusan yang terlibat meliputi pembangunan aplikasi perusahaan (enterprise), permainan (mobile games), penyelidikan dan pembangunan (R & D), pemasaran (marketing) dan sumber manusia (HR).

Pengasas Terato, Reza Fahmi Razali mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganugerahan sijil tersebut terutamanya kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan para pekerja Terato.

“Kejayaan ini membuktikan bahawa Terato, walaupun masih baru di dalam industri tetapi dengan usaha dan kerjasama semua pihak perngiktirafan sebegini berjaya dicapai.

Saya berharap, ini akan menjadi penguat semangat kepada kami untuk terus membangunkan produk-produk bertaraf antarabangsa buat para pengguna peranti pintar di seluruh dunia.”